

 Selasa, Mac 20 2018

Beri kesan negatif perilaku kanak-kanak

KUALA LUMPUR 19 Mac - Tindakan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang mengeksploitasi kanak-kanak bagi memenuhi tujuan politik peribadinya boleh memberi kesan negatif kepada tingkah laku dan perkembangan minda kanak-kanak terlibat.

Pensyarah Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Dr. Ainul Azli Hasnul** berkata, kanak-kanak tidak sepatutnya dipergunakan kerana dikhuatiri akan melahirkan generasi tidak sihat, cenderung untuk berdendam dan membenci kerajaan.

"Kanak-kanak ini umpama 'kain putih' yang perlu dididik

dengan nilai-nilai murni. Jadi, dengan menunjukkan sikap anticukai barang dan perkhidmatan (GST) itu jelas menunjukkan cubaan untuk menerapkan nilai-nilai membenci kerajaan.

"Ini tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang pemimpin apatah lagi beliau adalah ketua menteri sebuah negeri. Jadi, perbuatannya itu boleh memberi impak yang negatif pada kanak-kanak," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Dalam pada itu, pakar pendidikan awal kanak-kanak dari Jabatan Kaunseling dan Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), **Prof.**

Madya Dr. Mariani Md. Nor pula menyifatkan kejadian itu bertentangan dengan falsafah pendidikan negara yang menggariskan kanak-kanak sepatutnya dibimbing untuk bersikap positif dan tiada sifat membenci antara satu sama lain.

"Menurut teori moral Kohlberg, kanak-kanak memandang orang dewasa sebagai pihak yang mempunyai kuasa mutlak, justeru mereka akan mengikut sahaja arahan orang dewasa tanpa mempertikaikan apa-apa.

"Kanak-kanak tak faham tentang GST dan gaji, mereka hanya menghafal lirik dan menyanyikannya mengikut apa yang diajarkan kepada mereka,"

katanya.

Meskipun begitu, jelas beliau, kanak-kanak mempunyai sifat ingin tahu yang tinggi dan pasti akan bertanyakan kepada ibu bapa mereka tentang lagu yang mereka nyanyikan pada program itu.

"Kalau hendak buat juga (nyanyian GST), buatlah dalam kalangan orang dewasa yang sudah boleh berfikir, bukan pada kanak-kanak yang masih belum berfikir secara sistematik.

"Adakah kita mahu pada usia yang sebegitu muda, kanak-kanak ditanam dengan sikap benci pada sesuatu yang sebenarnya belum patut pun diperkatakan kepada mereka?" katanya.

UM 20/3